

## MAKLUMAT AWAL KEPADA PARA PELAJAR HBP SEM 1 SIDANG AKADEMIK 2020/21

### PERSEDIAAN DAN PANDUAN PEMBELAJARAN

Selamat datang dan selamat kembali kepada para pelajar HBP. Dalam suasana yang masih memerlukan semua pihak mengambil berat tentang isu kesihatan dan keselamatan, saya berharap para pelajar HBP dapat membuat persediaan yang sebaiknya untuk datang dan kembali ke kampus Oktober ini.

Berikut adalah beberapa maklumat awal yang saya jangka dapat membantu persediaan tersebut:

Perkara	Perincian
Pelajar Baharu	<p>Semua pelajar baharu akan mula masuk kampus pada minggu pertama bulan Oktober 2020 iaitu pada 2-4 hb Oktober 2020. Sila rujuk maklumat terkini HEPA.</p> <p>Program Siswa Lestari dirancang mengikut SOP COVID19.</p> <p>Sesi bersama HBP dan Pendaftaran kursus di HBP dijadualkan pada 7 Oktober 2020</p>
Pelajar Sedia Ada	<p>Semua pelajar HBP sedia ada akan balik ke kampus untuk Semester 1 Sidang Akademik 2020/2021 ini.</p> <p>Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) akan bermula pada 12hb Oktober 2020.</p>
Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	<p>PdP secara teradun (blended) akan dilaksanakan mulai Semester 1, Sidang akademik 2020/2021. Ianya merupakan kombinasi antara PdP bersemuka (F2F) dan secara dalam talian. Terdapat subjek yang 100% –(F2F) dan kebanyakan subjek lain akan menggunakan kaedah PdP teradun gantian iaitu antara 30% hingga 79% adalah secara atas talian (online).</p> <p>Semua pelajar akan kembali ke kampus tetapi hanya perlu ke pusat pengajian HBP/dewan kuliah/studio/makmal untuk kursus kursus yang melibatkan pembelajaran F2F sahaja. Pada waktu lain pelajar perlu berada di tempat masing masing dan mengikuti PdP secara dalam talian.</p> <p>PdP secara F2F perlu patuhi semua SOP berkaitan.</p> <p>Setiap pelajar perlu ada peranti (device) yang sesuai untuk pembelajaran online. Bagi pelajar yang bermasalah dari segi peranti (PC atau Laptop) sila maklumkan kepada pihak HEPA dan Timbalan Dekan Akademik HBP tentang masalah yang dihadapi.</p>

Sekian. Terima kasih.

DEKAN